

07/04/2003

Malaysia yakin boleh kekalkan pertumbuhan ekonomi

KUALA LUMPUR: Malaysia yakin masih boleh mengekalkan pertumbuhan ekonominya meskipun perang Iraq yang berlanjutan memberi impak negatif kepada ekonomi dunia kerana Kuala Lumpur merangka strategi tertentu melalui pelan kecemasan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berkata, sama ada tempoh perang itu pendek atau panjang, kesannya akan menjadi sama dan ia akan menyebabkan kemelesetan ekonomi dunia atau sekurang-kurangnya kegagalan pertumbuhan di seluruh dunia.

"Malaysia sudah tentu akan terjejas tetapi kita mempunyai pelan kecemasan, terpaksa mencari cara lain untuk memperkayakan ekonomi kita. Ia

tidaklah sebaik jika tidak ada perang. Kita terpaksa menerima hakikat bahawa perang memberi kesan yang sangat negatif.

"Tetapi kita berpendapat, kita masih boleh mengekalkan beberapa pertumbuhan," katanya dalam temu bual khas dengan stesen televisyen satelit Al-Jazeera yang berpangkalan di Doha, Qatar. Temu ramah itu dilakukan di Seri Perdana, Putrajaya Rabu lalu.

Dr Mahathir berkata, perang itu sendiri sudah menyebabkan bencana ekonomi untuk seluruh dunia dan semua orang menanggungnya sekarang dengan

pertumbuhan ekonomi begitu sedikit walaupun untuk negara yang begitu jauh dari tempat perang.

"Saya rasa Amerika sudah merasai kesengsaraan ekonomi. Sama ada mereka menang atau kalah perang, masalahnya bukan mengenai bagaimana memulihkan ekonomi Iraq tetapi ekonomi dunia.

"Maka ia akan mengambil masa yang lama kerana tidak akan ada keyakinan,

orang akan sentiasa hidup dalam ketakutan mengenai serangan baru pegganas, akan ada pegganas baru yang juga amat marah seperti mana mereka marah untuk merempuh Pusat Dagangan Dunia (WTC).

"Orang tidak akan naik kapal terbang. Kita tahu kebanyakan syarikat penerbangan Amerika muflis, kebanyakan syarikat penerbangan Eropah berhadapan masalah amat besar dan apabila penerbangan gagal, industri lain

yang berkaitan seperti hotel, agensi pengembara dan pelancongan akan gagal. Ini adalah penyumbang yang besar kepada ekonomi Eropah, Amerika dan dunia.

"Ekonomi dunia akan menjadi lebih buruk dan dengan itu untuk bercakap mengenai pembinaan semula Iraq akan menjadi kepura-puraan kerana tiada siapa boleh membangun semula Iraq seperti juga mereka tidak dapat membangun semula Afghanistan," katanya.

Wartawan Al-Jazeera turut bertanya bahawa sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia mempunyai hubungan ekonomi penting dengan Amerika, selain kerjasama pertahanan dan keselamatan tetapi di satu pihak ia tetap

dengan pendirian sama mengenai keganasan dan Iraq serta bagaimana

menseimbangkan di antara dua faktor itu.

Dr Mahathir menjawab: "Kita akan terpaksa mencuba dan menentukan bahawa pasaran kita kekal menjadi pasaran kita, iaitu Amerika. Tetapi kita tidak dapat berbuat demikian dengan mengorbankan kebenaran keadaan. Ini kerana akhirnya jika perkara ini menjadi kenyataan iaitu Iraq ditakluk, kita juga tidak berasa selamat.

"Oleh sebab itu, kita mesti bercakap yang benar sekarang dan bukan kemudian. Sudah tentu, jika kita menjadi sasaran serangan, semua hubungan baik dan perdagangan akan menjadi tiada apa-apa."